

Antara Kerjaya dengan Melanjutkan Pengajian: Pilihan Pelajar-pelajar di Johor Bahru

(Between Careers and Further Studies: The Choices of Students in Johor Bahru)

Hani Nazirah Mahdi¹, Nor Hayati Sa'at^{2*}, Roslina Ismail³

¹Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: s63369@ocean.umt.edu.my

²Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: norhayati@umt.edu.my

³Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: roslina@umt.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nor Hayati Sa'at
(norhayati@umt.edu.my)

KATA KUNCI:

Kerjaya
Pilihan Pelajar
SPM
Kajian Kualitatif

KEYWORDS:

Career
Student's Choice
SPM
Qualitative Methods

CITATION:

Hani Nazirah Mahdi, Nor Hayati Sa'at, & Roslina Ismail. (2024). Antara Kerjaya dengan Melanjutkan Pengajian: Pilihan Pelajar-pelajar di Johor Bahru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(8), e002951.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i8.2951>

Pemilihan antara kerjaya dan melanjutkan pengajian merupakan keputusan penting yang menentukan masa depan pelajar. Kemerosotan minat pelajar untuk melanjutkan pengajian telah menjadi satu trend yang membimbangkan di Malaysia. Ketersediaan peluang pekerjaan dalam ekonomi gig juga semakin berkembang dan mempengaruhi pilihan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan. Perkara ini akan memberi kesan serius terhadap perkembangan individu dan juga negara jika tidak diambil Tindakan segera. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji pilihan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) antara kerjaya dan melanjutkan pengajian. Kajian ini memfokuskan kepada faktor yang mempengaruhi pelajar dalam membuat pilihan sama ada ingin bekerja atau melanjutkan pengajian selepas SPM. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini: pertama, untuk mengenal pasti latar belakang sosioekonomi pelajar yang memilih antara kerjaya dan melanjutkan pengajian; kedua, untuk mengkaji faktor dalaman yang mempengaruhi pilihan pelajar; dan ketiga, untuk menilai faktor luaran yang mempengaruhi pilihan pelajar. Kaedah kualitatif digunakan dengan melaksanakan temu bual secara mendalam dengan 15 orang pelajar lepasan SPM yang terpilih. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih memilih untuk bekerja berbanding melanjutkan pengajian disebabkan oleh faktor dalaman seperti kewangan keluarga dan minat pelajar, manakala faktor luaran pula dipengaruhi oleh media sosial seperti keinginan untuk menjadi "influencer". Hasil kajian ini diharapkan dapat digunakan oleh pihak kerajaan atau agensi berkaitan dalam menghasilkan strategi untuk

menangani permasalahan ini.

ABSTRACT

Choosing between a career and further education is a critical decision that shapes students' futures. In Malaysia, there has been a worrying trend of declining interest in higher education among students. The expanding job opportunities in the gig economy are also influencing students' decisions to enter the workforce. If not promptly addressed, this situation could have serious implications for both individual and national development. This study aims to explore the choices of students who have completed the Malaysian Certificate of Education (SPM) between pursuing a career and continuing their education. The study focuses on the factors influencing students' decisions to either work or further their studies after SPM. There are three objectives in this study: first, to identify the socioeconomic background of students who choose between a career and further education; second, to examine the internal factors influencing students' choices; and third, to assess the external factors influencing students' choices. A qualitative method was employed, involving in-depth interviews with 15 selected SPM graduates. The findings indicate that students are more inclined to work rather than continue their studies due to internal factors such as family finances and personal interests, while external factors include the influence of social media and the desire to become an "influencer." The results of this study are intended to help the government and relevant agencies develop strategies to address this issue.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada pada korpus ilmu dengan penambahan hasil dapatan dimana dapatan kajian ini menjelaskan bahawa lebih ramai lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih untuk tidak meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya disebabkan oleh faktor kewangan, keluarga dan media sosial.

1. Pengenalan

Pendidikan dan kerjaya adalah dua aspek penting yang berkait antara satu sama lain dengan kualiti hidup seseorang individu. Pendidikan dan kerjaya sering dijadikan sebagai ukuran dalam menentukan tahap kemajuan sesebuah masyarakat. Keperluan pendidikan, sama ada dalam bentuk formal atau tidak formal, adalah satu tonggak utama dalam keperluan masyarakat masa kini (Nor et al., 2018). Penguasaan dalam pendidikan dan peluang untuk melanjutkan pengajian dalam kalangan pelajar merupakan faktor penting untuk meningkatkan keupayaan diri dan taraf hidup yang lebih baik. Melalui pendidikan, masyarakat yang berilmu tinggi dapat dilahirkan dan ilmu tersebut boleh digunakan dalam alam pekerjaan pada masa akan datang. Sementara itu, pemilihan kerjaya pada usia muda pula boleh memberikan pendapatan yang kadangkala melebihi keperluan asas. Ini membuka peluang dan ruang kepada golongan muda untuk membuat simpanan sebagai tabungan hari tua atau untuk menghadapi situasi kecemasan yang tidak dijangka. Keputusan untuk membuat suatu pilihan merupakan suatu cabaran yang signifikan dan perlu dihadapi oleh setiap individu dalam kehidupan mereka.

Pendidikan merupakan satu pelaburan penting dalam modal insan. Fungsi pendidikan dalam pembangunan sosial juga sangat penting kerana ia menyediakan nilai-nilai murni kepada masyarakat agar mereka tidak terlalu terikat dengan nilai-nilai yang boleh menghalang proses pembangunan. Menurut [Nurwahyuni dan Hudaidah \(2021\)](#), pendidikan adalah keperluan asas manusia agar mereka dapat berkembang dan berinteraksi dengan dunia luar. Kerjaya pula boleh diertikan sebagai persepsi atau harapan individu serta tingkah laku yang berkaitan dengan aktiviti kerja. Kerjaya juga merujuk kepada bagaimana individu melihat diri mereka dalam hubungan dengan apa yang mereka lakukan ([Fathurrahim, 2022](#)). Oleh itu, pelajar di sekolah menengah haruslah bersedia dalam merancang dan membuat keputusan untuk menentukan pilihan mereka pada masa hadapan, terutamanya dalam kalangan pelajar lepasan SPM. Umumnya, membuat perancangan awal dalam memilih kerjaya atau melanjutkan pengajian merupakan tindakan yang baik. Ini kerana, ia dapat membantu pelajar membuat keputusan yang tepat, memandangkan pilihan yang dibuat akan menjadi tanggungjawab yang akan dipikul oleh pelajar tersebut dan menentukan masa hadapan mereka.

1.1. Permasalahan Kajian

Pelajar lepasan SPM merupakan golongan belia yang masih muda. Pemilihan antara kerjaya dan melanjutkan pengajian adalah isu penting kerana keputusan yang dibuat oleh pelajar akan menentukan masa depan mereka. Menurut Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, kebanyakan pelajar lepasan SPM sesi 2021 memilih untuk tidak melanjutkan pengajian ([Sharifah, 2023](#)). Fenomena ini akan memberi kesan serius terhadap perkembangan individu dan juga negara.

Kemerosotan minat pelajar untuk melanjutkan pengajian telah menjadi trend yang membimbangkan di negara kita. Faktor kewangan atau kos sara hidup yang semakin tinggi menyebabkan mereka tidak memilih untuk menyambung pengajian. Pelajar yang memilih untuk bekerja mempunyai pandangan tersendiri, di mana mereka percaya bahawa dengan bekerja mereka dapat mencapai kestabilan kewangan lebih awal ([Permana & Izzati, 2023](#)). Kajian oleh [Nur Hasliza \(2023\)](#) mendapati bahawa pelajar dari pelbagai latar belakang tidak berhasrat untuk menyambung pengajian ke universiti kerana kos sara hidup yang tinggi dan ketidakpercayaan terhadap tempoh program universiti yang dianggap terlalu panjang dan mahal.

Ketersediaan peluang pekerjaan dalam ekonomi gig yang semakin berkembang juga telah mempengaruhi keputusan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan. Ekonomi gig merupakan segmen baharu yang menjadi pilihan ramai susulan pelbagai kesukaran yang dihadapi akibat penularan pandemik Covid-19 ([Mud et al., 2023](#)). Menurut kajian [Jalalludin dan Rashid \(2018\)](#), faktor dalaman dan luaran memberi impak yang berbeza terhadap pilihan individu. Artikel ini diharapkan dapat memberikan pemahaman tentang bagaimana faktor dalaman dan luaran mempengaruhi pilihan pelajar dalam membuat keputusan sama ada untuk bekerja atau melanjutkan pengajian.

1.2. Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenalpasti latar belakang sosioekonomi pelajar SPM yang memilih antara kerjaya dengan melanjutkan pengajian.

- ii. Untuk mengkaji faktor dalaman yang mempengaruhi pelajar untuk memilih antara kerjaya dengan melanjutkan pengajian.
- iii. Untuk menilai faktor luaran yang mempengaruhi pelajar untuk memilih antara kerjaya dengan melanjutkan pengajian.

2. Sorotan Literatur

2.1. Kajian Mengenai Perancangan Masa Hadapan Pelajar

Perkembangan ekonomi yang semakin pesat dan kenaikan kos sara hidup pada masa kini menyebabkan ramai golongan muda memilih untuk bekerja. Menurut kajian yang dilakukan oleh [Yusoff \(2018\)](#), menyatakan bahawa membuat perancangan awal dalam memilih kerjaya ini adalah satu tindakan yang baik. Hal ini kerana ia boleh membantu pelajar untuk membuat pilihan yang tepat. Dalam kajian beliau juga menyatakan bahawa pelajar lepasan sekolah menengah didapati memilih kerja kerana meniru individu yang disukai atau individu yang popular. Berikutan dengan perkembangan teknologi dan perkembangan ekonomi gig pada masa kini, kajian tersebut membuktikan bahawa pelajar memilih pekerjaan kerana mengikut trend terkini.

[Ismail et al. \(2018\)](#) menyatakan bahawa pemilihan kerjaya yang sesuai menjadi satu cabaran dalam kalangan pelajar menengah atas yang kurang mendapat pendedahan. Bukan itu sahaja, pemilihan kerjaya juga memerlukan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi agar seseorang mampu membuat pilihan yang bersesuaian dengan dirinya ([Hashim & Abd Latib, 2021](#)). Kajian yang dilakukan oleh [Ayodele \(2019\)](#) juga menyatakan pelajar haruslah membuat keputusan dengan tepat sekiranya mereka memilih kerjaya berbanding melanjutkan pengajian. Ini kerana keputusan yang dibuat itu memberi kesan pada kehidupan mereka dalam jangka masa yang panjang.

Kajian [Solihat, Nurfitri dan Nawarini \(2018\)](#) menyatakan faktor yang mempengaruhi minat berdasarkan persekitaran sekolah terdiri daripada tiga peranan iaitu pelajar, rakan sebaya dan guru menyokong mereka untuk melanjutkan pengajian. Pengaruh luaran juga mendorong pelajar terutamanya dalam kalangan pelajar Asia dalam membuat pilihan seperti saranan ahli keluarga atau rakan sebaya ([Bakar & Quah, 2018](#)). Umumnya, pelbagai faktor dalaman dan luaran berupaya mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan dan pilihan sama ada untuk terus bekerja selepas tamat alam persekolahan, khususnya SPM atau melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar.

2.2. Faktor dalaman yang mempengaruhi pilihan pelajar

2.2.1. Ibu bapa

Menurut kajian luar negara yang dilakukan oleh [Owusu et al. \(2018\)](#), ibu bapa, latar belakang akademik dan status sosioekonomi ibu bapa merupakan pengaruh penting dalam kehidupan anak-anak. Ini kerana setiap ibu bapa mempunyai keinginan terbaik untuk anak-anak mereka. Kajian oleh [Nawi dan Anuar \(2023\)](#) menyatakan bahawa ibu bapa yang menaruh harapan tinggi kepada anak-anak, mengambil minat, dan menggalakkan mereka untuk bekerja keras demi mencapai kejayaan di masa akan datang. Secara umum, pengaruh paling kerap mempengaruhi pelajar dalam membuat pilihan adalah ibu bapa mereka sendiri. Pelajar pada usia remaja menganggap bahawa ibu bapa merupakan pengaruh penting dalam menentukan masa depan mereka, khususnya dalam memilih kerjaya ([Nawabi et al, 2019](#)).

2.2.2 Kendiri

Faktor sendiri, yang melibatkan sikap individu itu sendiri, juga memainkan peranan penting dalam proses pembuatan keputusan. Menurut kajian yang dilakukan oleh [Purohit, Jayswal dan Muduli \(2021\)](#), sikap untuk membangunkan idea sendiri dan kebebasan dalam membuat keputusan bertindak sebagai penentu pilihan mereka. Pilihan juga boleh dibuat berdasarkan pengalaman dan pembelajaran yang diperoleh, di mana pelajar lebih memahami kelebihan dan kekurangan mereka, sama ada lebih menjurus kepada akademik atau pekerjaan ([Ismail et al., 2020](#)). Faktor dalaman yang berkaitan dengan peribadi dan perwatakan seseorang, apabila digabungkan dengan minat dan kebolehan, menyebabkan individu tersebut lebih berdaya untuk membuat pilihan yang tepat ([Khalik & Talib, 2020](#)).

2.3. Faktor luaran yang mempengaruhi pelajar

2.3.1. Media Sosial

Pilihan atau keputusan seorang pelajar boleh dipengaruhi oleh media sosial, terutamanya pada zaman kini di mana maklumat boleh diperoleh dengan hanya hujung jari. Pelajar merupakan golongan yang sering terdedah kepada media sosial seperti TikTok dan Instagram. Kandungan yang didedahkan melalui media sosial ini boleh mempengaruhi pemikiran mereka dan menjadi ikutan, sama ada perkara tersebut positif atau negatif. Menurut kajian oleh [Naemat et al. \(2017\)](#), pengaruh media sosial merupakan salah satu faktor yang menarik pelajar untuk melanjutkan pengajian mereka melalui penyebaran maklumat berkaitan universiti. Sebaliknya, media sosial juga mempengaruhi golongan muda untuk tidak melanjutkan pengajian, kerana mereka sering mengambil jalan mudah berdasarkan apa yang didedahkan di media sosial dan lebih menumpukan kepada kelangsungan hidup daripada meneruskan pengajian ke peringkat universiti ([Bakar et al., 2024](#)).

2.3.2. Rakan Sebaya

Pemilihan seseorang pelajar juga boleh dipengaruhi oleh faktor rakan sebaya. Rakan sebaya boleh mempengaruhi keputusan rakan yang lain dalam membuat satu pilihan walaupun mempunyai minat yang berbeza. Bahkan ada yang bekerja semata-mata mengikut kawan ([Pesa et al., 2020](#)). Kajian [Mohd Saim et al. \(2021\)](#), menyatakan bahawa rakan mempengaruhi pelajar dalam membuat pilihan mengenai kursus yang ditawarkan di institusi pengajian dan membantu pelajar untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan kursus di universiti.

2.3.3. Persekitaran

Faktor persekitaran yang paling hampir dengan pelajar ialah institusi sekolah. Sekolah merupakan salah satu sumber maklumat dan sokongan yang bebas untuk menjadi inspirasi kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian. Kenyataan ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh [Hie et al. \(2018\)](#) dimana guru merupakan orang yang berperanan penting dalam menyampaikan ilmu dan pengetahuan kepada pelajar di sekolah. Unit bimbingan dan kaunseling membantu pelajar dalam membina kecekapan, pembuatan keputusan dan merancang masa depan. Bukan itu sahaja, faktor persekitaran juga sering mempengaruhi pelajar untuk membuat pilihan dimana

pengaruh insan terdekat seperti guru dapat membentuk pemikiran dan mempengaruhi tingkah laku pelajar dalam membuat sesuatu pilihan (Leng et al., 2023).

2.4. Kerangka Teori Kajian

2.4.1. Teori Realiti

Teori Realiti telah diperkenalkan oleh William Glasser di mana beliau mempercayai bahawa manusia mempunyai potensi untuk mengarahkan pemikiran dan tingkah laku mereka (Widodo et al., 2024). Teori ini juga menggambarkan hubungan antara kawalan luaran dan dalaman dalam psikologi (Nelson-Jones, 2010). Idea utama teori ini adalah bahawa manusia mempunyai tanggungjawab terhadap diri mereka sendiri kerana setiap individu mencipta dunia dalaman mereka sendiri (Idros & Arip, 2023). Selain itu, teori ini menegaskan bahawa setiap individu mempunyai kebebasan dan berhak membuat pilihan sendiri, dan bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut. Perkaitan teori ini dengan kajian yang dilakukan ialah menunjukkan bahawa pelajar bebas untuk membuat pilihan dan mereka akan bertanggungjawab atas pilihan yang dibuat.

2.4.2. Teori Pilihan Rasional

Teori Pilihan Rasional diperkenalkan oleh James Coleman dimana teori ini merupakan tindakan rasional individu atau aktor untuk melakukan tindakan berdasarkan matlamat tertentu yang ditentukan oleh nilai atau pilihan (Patimah et al., 2021). Teori ini juga fokus kepada dua unsur iaitu manusia dan sumber daya dan kedua-dua unsur ini berkait rapat di mana aktor tertarik dengan keberadaan sumber daya yang dapat mewujudkan hubungan antara kedua-dua unsur tersebut (Hani & El Hafiz, 2018). Teori ini juga menjelaskan fenomena sosial dengan menumpukan rasional yang dimiliki oleh seseorang dan tindakan kolektif yang dapat mempengaruhi pilihan individu tersebut. (Browning et al., 1999). Perkaitan teori ini dengan kajian yang dilakukan ialah pelajar membuat pilihan berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi mereka. Ia menunjukkan kedua-dua unsur tersebut berkait antara satu sama lain dalam membantu pelajar membuat pilihan mereka.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan dapatan yang jelas melalui kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian terhadap informan. Menurut Amruddin et al. (2021), pendekatan kualitatif ini merupakan satu penelitian yang digunakan untuk melihat dan memahami tingkahlaku individu atau kelompok dan fenomena sosial dalam keadaan yang semulajadi sehingga memperoleh data deskriptif dalam bentuk lisan atau tulisan. Temu bual separa berstruktur digunakan sebagai alat utama untuk pengumpulan data. Lokasi kajian ini tertumpu di kawasan Johor Bahru, Johor dan populasi bagi kajian ini terdiri daripada pelajar lepasan SPM. Teknik pengumpulan data untuk kajian ini berdasarkan data primer dan sekunder. Data primer diperolehi melalui temu bual yang dilakukan secara bersemuka manakala data sekunder diperolehi melalui dokumen awam seperti jurnal, artikel dan laman web rasmi. Kaedah kajian kes dilakukan bagi menganalisis keinginan pelajar sama ada ingin melanjutkan pengajian atau bekerja selepas SPM. Kajian kes digunakan untuk memahami sesuatu isu yang kompleks secara terperinci dengan menggunakan sampel yang kecil. Informan dipilih berdasarkan persampelan bertujuan yang terdiri daripada pelajar Sijil Lulusan Malaysia (SPM) seramai 15 orang. Temu bual yang dilakukan direkod dan audio

tersebut dijadikan transkrip untuk ditukar menjadi sebuah teks. Hasil temu bual dianalisis secara manual menggunakan teknik *coding* untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan diingini dalam kajian sahaja.

4. Hasil Kajian

4.1. Profil Pelajar

Semua responden yang dipilih adalah pelajar lepasan SPM berumur 18 tahun. Dari segi bilangan adik-beradik, 3 responden mempunyai dua orang adik-beradik, manakala selebihnya mempunyai lebih daripada dua orang adik-beradik. Dalam kalangan 15 informan, 6 orang merupakan anak sulung. Dari aspek pekerjaan ibu bapa, 3 informan mempunyai ibu bapa yang bekerja sebagai pegawai kerajaan, 10 informan mempunyai ibu bapa yang bekerja dalam sektor swasta atau sebagai bekerja sendiri, dan 2 orang informan menyatakan bahawa ibu bapa mereka sudah tidak bekerja/bersara. Dari segi keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 3 orang informan memperoleh keputusan cemerlang, 10 orang mendapat keputusan baik dan 2 orang mendapat keputusan yang kurang memuaskan.

4.2. Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Pelajar Membuat Pilihan

4.2.1. Keluarga

Faktor keluarga merupakan faktor yang paling utama mempengaruhi pelajar untuk membuat pilihan, kerana mereka adalah individu yang paling rapat dengan pelajar. Masalah kewangan dan pendapatan keluarga mempengaruhi keputusan pelajar sama ada untuk bekerja atau melanjutkan pengajian. Pelajar yang memilih untuk bekerja sering kali menyatakan bahawa pendapatan keluarga yang kurang tidak dapat menampung kos sara hidup yang semakin tinggi pada masa kini. Mereka juga tidak mahu membebankan keluarga, terutama jika mereka mempunyai ramai adik-beradik. Selain itu, tanggungjawab sebagai anak sulung turut mempengaruhi keputusan mereka untuk bekerja, kerana mereka ingin meringankan beban ibu bapa dalam menampung adik-beradik yang masih bersekolah, seperti yang dinyatakan oleh informan 3 dan 13.

“saya pilih untuk kerja kerana situasi kewangan keluarga yang tidak menyenangkan... saya fikir berkaitan dengan kos juga, sebab yuran sahaja pun mahal... bukan setakat bayar yuran sahaja tapi beli barang keperluan lain lagi... barang sekarang pun makin mahal jadi saya taknak membebankan parents saya untuk keluarga duit”... (Informan 3)

“sebab mereka pun still bersekolah banyak lagi tanggungan mak ayah saya and banyak juga lah perbelanjaan nak kena keluarkan. So bila saya fikir benda tu membuatkan saya nak kerja nak tolong ibu ayah saya support adik-adik saya yang masih sekolah tu... (Informan 13)

Pengaruh atau contoh daripada adik-beradik juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pelajar untuk membuat pilihan. Hal ini kerana terdapat informan yang menyatakan mereka terpengaruh dengan gaya hidup adik-beradik mereka yang sudah bekerja, seperti yang dinyatakan oleh informan 11. Selain itu, informan 10 pula menyebut bahawa adik-beradik yang melanjutkan pengajian tetapi bekerja di luar bidang yang dipelajari turut mempengaruhi pilihannya untuk bekerja.

“sebab saya tengok kakak saya semua tak sambung belajar kerja terus so benda tu mempengaruhi saya...saya tengok life kakak saya macam best macam senang lah...” (Informan 11)

“sebab saya tengok dia pun dia sambung belajar course yang dia ambik pun bukan biasa biasa tapi end up dia tak kerja dalam bidang dia pun dia sekarang kerja kampung biasa je. Jadi tu buatlah saya nak kerja je dari sambung belajar...” (Informan 10)

Walaupun pilihan ini dibuat berdasarkan kehendak pelajar, keputusan yang diambil haruslah disokong dan didorong oleh ibu bapa mereka. Setiap ibu bapa pastinya mempunyai impian dan harapan untuk melihat anak-anak mereka berjaya dan membuat keputusan yang tepat untuk masa hadapan mereka, seperti yang dinyatakan oleh informan 6 dan 15. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa tidak membantah dan sentiasa menyokong pilihan yang dibuat oleh anak-anak mereka, walaupun pelajar memilih untuk bekerja pada usia muda. Keadaan ekonomi keluarga yang tidak mengizinkan menyebabkan ibu bapa memahami dan menyokong keputusan tersebut, seperti yang dilakukan oleh informan 2.

“mak ayah saya okay je dengan apa yang saya nak buat...” (Informan 6)

“hm ibu bapa just sokong je saya nak buat pape asalkan tak susahkan dorang lah...” (Informan 15)

“sebab mak ayah saya sudah tidak bekerja jadi saya nak bantu mereka. saya ada perancangan nak sambung belajar juga tetapi saya fikir juga kalau saya sambung belajar saya akan membebankan keluarga saya sebab saya rasa sekarang pun semua benda mahal...” (Informan 2)

4.2.2. Kendiri

Pilihan yang dibuat oleh pelajar bergantung pada keinginan diri mereka sendiri, kerana keputusan tersebut adalah untuk kepentingan mereka. Pelajar lepasan SPM yang berusia 18 tahun dianggap sudah matang untuk membuat pilihan mereka sendiri. Golongan remaja pada masa kini cenderung untuk tidak suka dikongkong. Walaupun keadaan sekeliling mungkin tidak seiring dengan apa yang mereka lakukan, ia tidak menghalang mereka untuk membuat pilihan yang tepat. Faktor sendiri ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pandangan mereka tersendiri mengenai pilihan yang mereka buat, di mana sesetengah informan lebih berminat untuk bekerja berbanding melanjutkan pengajian, seperti yang dinyatakan oleh informan 4 dan 13.

“Tu lah saya pilih untuk bekerja. sebab saya bab belajar ni saya tak pandai sangat lah... sebab saya fikir kalau saya sambung belajar saya rasa macam buang duit buang masa better saya kerja cari duit...” (Informan 4)

“haah minat saya sendiri sebab saya pun nak rasa cari duit sendiri nak ada pengalaman kerja...” (Informan 13)

Berdasarkan temu bual yang dilakukan juga tidak semua pelajar yang memilih untuk bekerja tidak mempunyai minat untuk melanjutkan pengajian kerana terdapat dalam

kalangan mereka mempunyai keputusan yang baik. Akan tetapi disebabkan oleh faktor yang tidak mengizinkan menyebabkan mereka tetap pendirian memilih untuk bekerja. Hal ini kerana mereka menganggap mereka boleh melanjutkan pengajian pada bila-bila masa sahaja jika diberi peluang. Ini menunjukkan bahawa kesedaran mereka terhadap pelajaran itu masih ada.

"kalau saya tiba-tiba terdetik nak sambung belajar nanti saya sambung je lah sebab sambung belajar ni kan bila-bila je boleh..." (Informan 10)

Faktor sendiri ini juga menunjukkan bahawa pilihan yang dilakukan ini dipengaruhi atas minat mereka dan mereka juga berhak untuk menentukan pilihan sendiri kerana mereka sedar akan kelebihan dan kemampuan mereka dalam melakukan sesuatu. Hal ini demikian, sekiranya pelajar melakukan sesuatu dalam keadaan terpaksa ia juga akan memberi impak yang negatif kepada pelajar.

4.3. Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Pilihan Pelajar

4.3.1. Media Sosial

Media sosial tidak asing lagi bagi semua lapisan masyarakat kerana kini hampir setiap orang memiliki akaun media sosial. Media sosial memberikan pengaruh yang kuat pada golongan muda masa kini, kerana ia juga merupakan platform yang boleh digunakan untuk menjana pendapatan. Tidak lagi asing, "content creator" atau "influencer" kini menjadi satu trend dalam kalangan golongan muda, di mana dengan memuat naik video sahaja, mereka boleh menjana pendapatan. Disebabkan itu, pelajar mudah terpengaruh dengan apa yang mereka lihat di media sosial, hingga menyebabkan mereka memilih untuk bekerja.

"saya em terpengaruh dengan cara kehidupan mereka. income mereka banyak bila mereka jadi content creator. Kehidupan mereka yang agak mewah walaupun umur mereka masih muda kerana mereka bekerja jadi mereka boleh beli apa sahaja yang mereka nak. Benda tu mempengaruhi juga sebenarnya saya nak jadi macam mereka saya pun nak beli apa yang saya nak guna duit sendiri..." (Informan 3)

4.3.2. Rakan Sebaya

Rakan sebaya juga merupakan individu yang rapat dengan pelajar. Sedikit sebanyak rakan sebaya juga boleh mempengaruhi pilihan yang dilakukan oleh mereka dengan apa yang mereka lihat seperti gaya hidup rakan-rakan yang sudah bekerja. Selain itu, rakan sebaya juga banyak memberi sokongan dan pendapat kepada pelajar untuk membuat pilihan sama ada untuk melanjutkan pengajian atau bekerja selepas SPM.

"iya, rakan sebaya saya banyak membantu dan memberi pendapat masing-masing. Contoh seperti senior saya mereka banyak memberi pendapat berkaitan dengan pekerjaan yang mereka ceburi. Jadi, dekat situ saya dapat tahu pelbagai jenis kerja..." (Informan 2)

"mereka ada juga tolong sikit-sikit. Masa saya confuse nak pilih arah tuju saya nak kerja ke nak sambung belajar, saya tanya kat mereka dan mereka tolong lah bagi saya pendapat...and bila saya cakap saya nak

kerja taknak sambung belajar, mereka sokong jelah walaupun kebanyakan daripada mereka sambung belajar tapi bila saya pilih untuk kerja dorang tak ada pandang hina ke apa dorang okay sokong je...” (Informan 6)

4.4. Persekitaran

Oleh kerana pelajar lepasan SPM baru sahaja menamatkan zaman persekolahan, keadaan sekeliling mereka semasa waktu persekolahan juga boleh mempengaruhi keputusan mereka. Ini termasuk pendapat guru, aktiviti yang dilakukan di sekolah, dan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Guru biasanya memberikan pandangan dan nasihat yang terbaik untuk pelajar serta menyokong pilihan mereka. Selain itu, sekolah sering mengadakan pameran berkaitan institusi pengajian atau kerjaya yang dapat membantu pelajar dalam membuat keputusan. Walaupun ada pelajar yang memilih untuk bekerja, pameran tersebut tetap menarik perhatian mereka dan memberi kesedaran tentang peluang melanjutkan pengajian, seperti yang dinyatakan oleh informan 4.

“hmm saya berminat je sebenarnya nak sambung belajar tapi macam yang saya cakap tadi saya lebih memikirkan faktor kewangan keluarga saya sebab tu saya pilih untuk bekerja...” (Informan 4)

Segelintir informan juga tidak mengambil kira keadaan persekitaran di sekolah, termasuk nasihat guru mengenai melanjutkan pengajian. Mereka tidak berjumpa dengan guru untuk mendapatkan pandangan, kerana menganggap bahawa guru akan menggalakkan mereka untuk meneruskan pengajian, seperti yang dinyatakan oleh informan 10 dan 15.

“hm saya tak ada jumpa mana- mana cikgu sebab kebanyakan cikgu mestilah suruh sambung belajar...” (Informan 10)

“cikgu tak ada bagi apa- apa pendapat sebab saya tak ada mintak pendapat cikgu...” (Informan 15)

Selain itu, keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan perkara utama juga yang dilihat dalam kajian ini kerana mereka merupakan pelajar lepasan SPM sudah tentu keputusan yang diperolehi juga mempengaruhi mereka melakukan pilihan. Kelazimannya, sekiranya pelajar mendapat keputusan yang baik dan cemerlang sudah tentu mereka akan memilih untuk melanjutkan pengajian dan pelajar yang tidak mendapat keputusan yang baik akan memilih untuk tidak melanjutkan pengajian. Justeru, pelajar yang memilih untuk bekerja tidak semua dalam kalangan mereka mendapat keputusan yang kurang cemerlang dan mereka akan melanjutkan pengajian jika diberi peluang seperti informan 13. Bagi pelajar yang mendapat keputusan yang kurang cemerlang menyatakan bahawa mereka kurang minat untuk melanjutkan pengajian seperti informan 3 dan 14.

“hm kalau ikutkan ada niat tu nak sambung belajar kalau time tu ada rezeki untuk sambung belajar tak ada benda yang menghalang saya akan sambung belajar...” (Informan 13)

"betul tapi saya rasa buat masa sekarang saya fikir saya nak kerja je dulu lagipun saya memang tidak minat sangat untuk belajar..." (Informan 3)

"sebab saya memang tak minat belajar..." (Informan 14)

5. Perbincangan

Kajian ini menunjukkan bahawa pilihan pelajar lebih ke arah untuk bekerja selepas SPM dimana Sembilan (9) orang informan memilih untuk bekerja manakala enam (6) orang informan memilih untuk melanjutkan pengajian. Pilihan yang dilakukan oleh pelajar ini bukanlah suatu perkara yang salah kerana apabila memandang dari sudut yang positif ia merupakan titik peluh sendiri yang berusaha untuk bekerja dan dapat menghadapi keadaan ekonomi semasa dengan bijak. Hal ini demikian bekerja di usia muda juga lebih-lebih lagi untuk pelajar lepasan SPM sangat mempengaruhi masa hadapan mereka kerana peluang yang mereka ada tidak sama seperti pelajar yang melanjutkan pengajian tetapi perkara ini tidak patut dinormalisasikan kerana pendidikan juga merupakan perkara yang sangat penting untuk menjamin masa depan seseorang.

Keputusan yang dilakukan oleh pelajar untuk bekerja adalah berdasarkan pilihan mereka. Faktor dalaman dan luaran itu hanyalah mempengaruhi mereka untuk membuat pilihan tersebut selebihnya pelajar mengikut minat dan kehendak mereka sendiri. Kajian ini juga menunjukkan kedua-dua faktor ini mempengaruhi mereka untuk membuat pilihan terutamanya dari segi faktor keluarga, sendiri dan media sosial bersesuaian dengan teori pilihan rasional (Hani & El Hafiz, 2018). Ini menunjukkan juga pelajar berhak dan mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan sendiri dan bertanggungjawab atas pilihan tersebut seperti yang dinyatakan oleh Idros dan Arip (2023). berkaitan teori realiti.

Namun, pilihan untuk bekerja itu bukanlah suatu perkara yang negatif tetapi ianya tidak patut dipraktikkan dalam kalangan golongan muda terutamanya pelajar lepasan SPM kerana boleh mendatangkan kesan yang negatif terhadap diri mereka dan juga pembangunan negara pada masa akan datang. Hal ini demikian, ilmu pengetahuan bukan sahaja diasah semasa di sekolah sahaja malah pelajar lebih ditekankan dengan pembentukan jati diri melalui penglibatan dalam pelbagai program di universiti. Selain itu, pelajar pada masa kini lebih minat dan terpengaruh untuk menjadi "*influencer*" atau "*tiktokers*" menerusi platform gig dan menjadi pengasas pelbagai produk kosmetik. Perkara ini telah berjaya mempengaruhi ramai pelajar untuk menjadi seperti mereka. Pelajar haruslah sedar bahawa golongan *influencer* ini telah memberikan mereka harapan palsu seperti mereka tidak perlu sijil pelajaran yang tinggi untuk berjaya. Disebabkan itu, ramai pelajar yang tidak ingin melanjutkan pengajian kerana mereka beranggapan bahawa keputusan untuk melanjutkan pengajian adalah satu keputusan yang tidak berfaedah.

Oleh itu, pihak kerajaan boleh menyediakan banyak lagi bantuan kewangan atau biasiswa kepada pelajar yang mempunyai potensi yang tinggi untuk melanjutkan pengajian kerana terdapat juga pelajar yang memperolehi keputusan yang baik tetapi mereka memilih untuk bekerja atas faktor desakan kewangan. Bukan itu sahaja, disebabkan trend *influencer* pada masa kini semakin popular, pihak sekolah juga boleh menjemput *influencer* yang mempunyai latar belakang pendidikan yang baik untuk mendedahkan kepada para pelajar bahawa pentingnya untuk melanjutkan pengajian. Dengan cara ini, ia boleh menarik minat pelajar dan memberi kesedaran kepada mereka

berkaitan dengan kepentingan melanjutkan pengajian. Hal ini kerana, untuk melakukan sesuatu pekerjaan juga memerlukan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang cukup.

6. Kesimpulan

Umumnya, generasi pada masa kini mengambil remeh tentang pendidikan. Ini kerana daya saing sesebuah negara itu berpandukan oleh modal- modal insan yang berpendidikan. Kemajuan dan kegagalan Malaysia terletak pada rakyatnya akan tetapi apabila melanjutkan pengajian selepas SPM tidak lagi menjadi pilihan utama para pelajar, apakah nasib yang bakal menimpa negara kita pada masa akan datang? Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab haruslah memainkan peranan untuk memberi galakan kepada para pelajar supaya mereka berkeinginan untuk melanjutkan pengajian selepas SPM kerana bekerja selepas SPM bukanlah suatu perkara yang harus dinormalisasikan dalam golongan muda.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada pihak UMT, penyelia dan pensyarah dan juga responden yang telah memberikan kerjasama serta pandangan yang berharga. Penghargaan juga diberikan kepada pihak keluarga dan rakan- rakan yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan sepanjang proses penyelidikan ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjadikan kajian ini satu pengalaman pembelajaran yang bermakna.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak melibatkan sebarang peruntukan atau bantuan kewangan dari mana- mana pihak. Tiada konflik kewangan yang perlu diambil kira dalam perlaksanaannya.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Amruddin, A., Wahyudi, I., Damanik, D., Purba, E., Umar, M., Ruswandi, W., ... & Yuliastuti, I. A. N. (2022). *Metodologi Penelitian Manajemen*. Pt Global Eksekutif Teknologi.
- Ayodele, T. O. (2019). Career choice of real estate students in Nigeria: The explaining influences in comparative perspective. *Property Management*, 37(1), 154-176.

- Bakar, N. A, A., & Quah, W. B. (2018). Faktor Pendorong Dan Strategi Promosi Untuk Pengambilan Pelajar Di Kolej Komuniti Sandakan (KKSK). In *Proceeding Seminar National Conference On The Sciences And Social Sciences*.
- Bakar, S., Sahidol, J. N. M., & Muslim, M. (2024). Faktor Permasalahan Pelajar Pasca Sijil Pelajaran Malaysia (2021) Enggan Melanjutkan Pelajaran. *Gading Journal for Social Sciences*, 27, 26-32.
- Browning, G., Webster, F., & Halcli, A. (1999). *Understanding contemporary society: Theories of the present*. Sage.
- Fathurrahim. (2022). *Pengaruh personaliti proaktif dan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya ke atas jangkaan hasil kerjaya pelajar universiti*. [Master Thesis]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hani, L., & El Hafiz, S. (2018). Perbedaan Kecerdasan Emosional Dilihat Dari Pilihan Seseorang Saat Berhadapan Dengan Dilema Moral Agama. *Psikis: Jurnal Psikologi Islami*, 4(2), 104-111
- Hashim, N., & Abd Latib, N. (2021). Persepsi Pelajar Kolej Komuniti Gerik Terhadap Faktor Pemilihan Kerjaya. *International Journal Of Modern Trends In Social Sciences (IJMTSS)*, 4(17).
- Hie, Y. H., Samsu, K. H. K., Adnan, Z. H., Awang, M. D., & Ab Halim, A. (2018). Peranan guru sebagai agen sosialisasi dalam membentuk perpaduan kaum di sekolah. *Akademika*, 88(2), 95-108.
- Idros, S. M. M., & Arip, M. A. S. M. (2023). Construction, Validaty and Realiability Client Needs Inventory Based on Choice Theory and Reality Therapy (CTRT). *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(3).
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., Maromar, F., & Man, S. (2020). Hubungan Antara Faktor Dalaman dan Faktor Luaran Dalam Mempengaruhi Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: The Relationship between Internal and External Factors Influencing Student Skills of Arabic Writing in Higher Learning Institutions of Malaysia. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(1), 1-12.
- Ismail, M. S., Abdullah, A. H., Zain, A. D. M., Shuhairi, M. H., & Ariffin, M. R. (2018). Kematangan Kerjaya Pelajar: Implikasinya Terhadap Kaunseling Kerjaya. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 18(1), 45.
- Jalalludin, K. S., & Rashid, S. M. (2018). Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Mahasiswa di Fakulti Pengurusan dan Muamalah. In KUIS. *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018* (IcoMM 2018).
- Khalik, M., & Talib, C, A. (2022). Factor Influencing the Selection of Chemistry Major Among Undergraduates/Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Jurusan Kimia dalam Kalangan Prasiswazah. *Sains Humanika*, 14(3-2), 125-135.
- Leng, S. T. K., Ali, M. N. S., Dalin, M. R., Hamzah, N., & Yazid, M. H. (2023). Faktor Dorongan Pelajar Tingkatan 6 Melanjutkan Pelajaran di Peringkat Ijazah Sarjana Muda. *e-BANGI*, 20(3), 208-217.
- Mohd Saim, N., Abd Rahman, N. F., Rosli, S. H., & Amaruddin, H. I. (2021). Faktor-faktor yang mendorong pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih program pengajian diploma kejuruteraan awam. *Gading Journal for Social Sciences*, 24(2), 81-90.
- Mud, N. N. N., Hussin, N. S. N., Muhammad, M. Z., & Hassan, A. A. M. (2023). Halatuju GIG ekonomi dan masa depan belia negara. *Caknawan*. <https://caknawan.umk.edu.my/halatuju-gig-ekonomi-dan-masa-depan-belia-negara>.

- Naemat, M. R., Khalid, M. K., Harun, M. R., Ahmad, A., & Osman, L. H. (2017). Faktor Pendorong yang Mempengaruhi Keputusan Melanjutkan Pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi di kalangan Staf Kerajaan dan Swasta. *Jurnal personalia pelajar*, 20(1).
- Nawabi, S., Javed, M. Q., Shujaulla, S., & Ulfat, H. (2019). Parental influence on career choice of their children: literature review. *International Journal of Advanced Research*, 7(3), 221-227
- Nawi, M. Z. M., & Anuar, M. H. M. (2023). Pengaruh Peranan Ibu Bapa Terhadap Kemasukan Pelajar Ke Institusi Teknikal dan Vokasional: Satu Kajian Tinjauan Sistematis: The Influence of Parents' Roles on Student Admission to Technical and Vocational Institutions: A Systematic Review Study. *Online Journal for TVET Practitioners*, 8(1), 67-74.
- Nelson-Jones, R. (2010). *Theory and practice of counselling and therapy*. Sage
- Nor, M. M. M., Sukimi, M. F., & Nor, M. N. M. (2018). Kesedaran Pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Geografia- Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 72-86.
- Nur Hasliza Mohd Salleh. (2023, Mac 30). Mengapa lepasan SPM tidak mahu sambung belajar. *Malaysia Now*.
<https://www.malaysianow.com/my/news/2023/03/30/mengapa-lepasan-spm-tidak-mahu-sambung-belajar>.
- Nurwahyuni, K., & Hudaidah, H. (2021). Sejarah Sistem Pendidikan di Indonesia dari Masa ke Masa. *Berkala Ilmiah Pendidikan*, 1(2), 53-59.
- Owusu, G. M., Essel- Anderson, A., Ossei Kwakye, T., Bekoe, R. A., & Ofori, C. G. (2018). Factors influencing career choice or tertiary students in Ghana: A comparison of science and business majors. *Education+ Training*, 60(9), 992-1008.
- Patimah, I. S., Nurdin, M. F., & Rachim, H. A. (2021). Model pesantren modern: Pilihan rasional keluarga bagi pendidikan anak di era globalisasi. *Sosioglobal: Jurnal Pemikiran Dan Penelitian Sosiologi*, 5(2), 89-110
- Permana, M. Y., & Izzati, N. R., Askar M.W. (2023). Measuring The Gig Economy in Indonesia: Typology, Characteristics, and Distrubution. *Jurnal Manajemen Teknologi*, 21(3), 339-358.
- Pesa, M. F. M., Mustafa, H., & Mohyeddin, N. S. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Pemilihan Kerjaya: Kajian Di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Merlimau. *Diges Ilmiah Politeknik Merlimau*, 4, 1-7.
- Purohit, D., Jayswal, M., & Muduli, A. (2020). Factors influencing graduate job choice – a systematic literature review. *European Journal of Training and Development*, 45(4/5), 381–401.
- Sharifah. (2023, May 25). Hampir 50% Pelajar Lepas SPM 2021 Tidak Minat Sambung Belajar. *The Rakyat Post*.
<https://www.therakyatpost.com/trpbm/2023/05/25/hampir-50-pelajarlepasan-spm-2021-tidak-minat-sambung-belajar>.
- Solihat, S., Nurfitri, T., & Nawarini, A. T. (2020). Pengaruh potensi diri, lingkungan sekolah dan tingkat pendidikan orang tua terhadap minat siswa melanjutkan study ke perguruan tinggi di MAN 1 Banyumas. *Soedirman Economics Education Journal*, 2(2), 45-46.
- Widodo, B., Susilaningsih, C. Y., & Fransisca Mudjijanti, M. M. (2024). *Pendekatan Konseling Realitas (Reality Therapy)*. Cv. Ae Media Grafika.
- Yusoff, S. A. M. (2018). *Pengaruh sokongan ibu bapa, personaliti dan motivasi ke atas efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya* (IR). (Master Thesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.